

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [Pengerang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah Majlis Media Malaysia (MMC) akan ditubuhkan dan adakah agensi berita kebangsaan negara BERNAMA akan dijadikan sekretariat untuk MMC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sedang dalam tindakan merangka cadangan dan implikasi penubuhan Majlis Media Malaysia (MMC) di bawah satu akta khusus yang akan diterajui oleh industri media itu sendiri. Kementerian juga akan mendapatkan mandat dari Jemaah Menteri untuk hala tuju seterusnya dalam memudah cara persekitaran yang kondusif untuk kebebasan media di Malaysia. Ini bagi memastikan kebebasan media tercapai namun masih lagi dalam lingkup prosedur yang ditetapkan untuk memelihara ketenteraman awam.